UPM
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA
BERILMU BERBAKTI

UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

AGRICULTURE • INNOVATION • LIFE




# LAMPIRAN KERTAS AGENDA 7.1: **PENCAPAIAN OBJEKTIF SISTEM PENGURUSAN KESELAMATAN MAKLUMAT**

**LAPORAN OLEH:**

**TIMBALAN WAKIL PENGURUSAN ISMS**

# PENCAPAIAN OBJEKTIF KESELAMATAN MAKLUMAT

## Latarbelakang

Laporan pencapaian objektif keselamatan maklumat merupakan salah satu input berkaitan maklum balas prestasi keselamatan maklumat yang perlu dilaporkan semasa Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan bagi memenuhi keperluan **Standard Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) MS ISO/IEC 27001:2013 Klausa 9.3 (c) perkara 4 berhubung pencapaian objektif keselamatan maklumat**



f) memastikan hasil audit dilaporkan kepada pengurusan yang berkaitan; dan

g) menyimpan maklumat yang didokumenkan sebagai bukti bagi program audit dan hasil audit.

**9.3 Kajian semula pengurusan**

Pengurusan atasan hendaklah mengkaji semula sistem pengurusan keselamatan maklumat organisasi pada sela masa yang dirancang bagi memastikan kesesuaian, kecukupan dan keberkesanan yang berterusan.

Kajian semula pengurusan hendaklah mengandungi pertimbangan tentang:

a) status tindakan daripada kajian semula pengurusan terdahulu;

b) perubahan dalam isu luaran dan dalaman yang berkaitan dengan sistem pengurusan keselamatan maklumat;

c) maklum balas tentang prestasi keselamatan maklumat, termasuk trend dalam:

   1) ketakakuran dan tindakan pembetulan;

   2) hasil pemantauan dan pengukuran;

   3) hasil audit; dan

   4) pencapaian objektif keselamatan maklumat;

d) maklum balas daripada pihak berkepentingan;

e) hasil pentaksiran risiko dan pelan penguraian risiko; dan

f) peluang untuk penambahbaikan berterusan.

Output kajian semula pengurusan hendaklah merangkumi keputusan yang berkaitan dengan peluang penambahbaikan yang berterusan dan sebarang keperluan untuk perubahan dalam sistem pengurusan keselamatan maklumat.

Organisasi hendaklah menyimpan maklumat yang didokumenkan sebagai bukti daripada hasil kajian semula pengurusan.



# LATAR BELAKANG OBJEKTIF ISMS 2018

## 01




**Mesyuarat Jawatankuasa Kualiti Kali ke - 38 pada 6 Februari 2018**

Meluluskan perubahan Objektif ISMS mengambilkira aktiviti perluasan skop penilaian pengajaran prasiswazah di Fakulti

## 02



**Mesyuarat Jawatankuasa Kualiti Kali ke - 40 pada 10 Julai 2018.**

Melaporkan data pencapaian Objektif ISMS bagi tempoh Januari hingga Jun 2018

## 03




**Mesyuarat Jawatankuasa Kerja ISMS Kali Kesepuluh pada 21 September 2018**

Mencadangkan perubahan ke atas Objektif ISMS hasil penemuan OFI Audit Dalaman ISMS 2018 berkaitan penilaian pengajaran prasiswazah di Fakulti

## 04




**Mesyuarat Jawatankuasa Kualiti Ke-41 pada 9 Oktober 2018**

Meluluskan perubahan ke atas objektif ISMS tahun 2018 berkaitan penilaian pengajaran prasiswazah di Fakulti (objektif keenam)

## 05



**Mesyuarat Jawatankuasa Kerja ISMS Kali Kesebelas pada 16 Januari 2019**

Memperakukan pencapaian Objektif ISMS tahun 2018

# RINGKASAN PENCAPAIAN OBJEKTIF KESELAMATAN MAKLUMAT TAHUN 2018






# PENCAPAIAN OBJEKTIF KESELAMATAN MAKLUMAT TAHUN 2018

| Bil | Kenyataan Objektif | Sasaran | Pencapaian | Peneraju |
|---|---|---|---|---|
| 1. | Memastikan pelajar prasiswazah yang mengemukakan tawaran yang sah dibenarkan mendaftar | **100%** | **100%** | Pasukan Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah (Kampus Serdang dan Bintulu) |
| 2. | Memastikan pembayaran yuran pengajian adalah secara atas talian | **98% (UPM Serdang)**<br><br>**75% (UPM Bintulu)** | **100% (UPM Serdang)**<br><br>**97% (UPM Bintulu)** | Pasukan Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah (Kampus Serdang dan Bintulu) |
| 3. | Memastikan proses pemulihan sistem aplikasi pendaftaran pelajar baharu dapat dilaksanakan | **≤ 8 jam** | **1 jam 51 minit** | Pasukan Pusat Data |
| 4. | Memastikan *Service Level Agreement* (SLA) 95.0 sokongan ICT Pusat Data (rangkaian, sistem aplikasi dan pangkalan data) terhadap proses pendaftaran pelajar baharu bebas dari gangguan setiap semester | **95%** | **100%** | Pasukan Pusat Data |
| 5. | Memastikan penilaian pengajaran setiap pelajar adalah rahsia | **100%** | **100%** | Pasukan Penilaian Pengajaran Prasiswazah di Fakulti |
| 6. | Memastikan pelajar yang membuat penilaian merupakan pelajar berdaftar dalam Sistem Maklumat Pelajar (eSMP) | **100%** | **100%** | Pasukan Penilaian Pengajaran Prasiswazah di Fakulti |